

## **Hukuman Mati di Sisi Undang-undang Jenayah Islam: Mandatori atau Moratorium**

Corresponding author

**Mus'ab bin Yusoff**

Kulliyah Syari'ah dan Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa  
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul  
Aman.

[mus'ab@unishams.edu.my](mailto:mus'ab@unishams.edu.my)

**Umair Yusoff**

Kulliyah Syari'ah dan Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa  
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul  
Aman.

**Siti Nurul Husna Othman**

Pusat Pengajian Asasi, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim  
Mu'adzam Shah, 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman.

**Abstrak:**

Isu pemansuhan hukuman mati mandatori sedang giat diperbahaskan di peringkat global termasuk dunia Islam. Ia melibatkan gesaan Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya hukuman mati mandatori dihapuskan. Terdapat 32 kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman mati di Malaysia ini, 11 daripadanya kesalahan yang membabitkan hukuman mati mandatori. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengetahui kaedah penyelesaian yang terdapat di dalam kitab-kitab *fiqh* yang diaplikasikan oleh para *fuqaha'* dalam isu ini. Adakah hukuman mati sebagai hukuman mandatori yang tidak boleh digugurkan atau hukuman yang bersifat *tasamuh* (toleransi), boleh ditangguhkan (moratorium) melihat kepada suasana keadaan dan boleh digugurkan? Kajian ini berbentuk kualitatif di mana sejumlah kitab turath telah diteliti dan difahami secara deskriptif. Kaedah pengumpulan utama yang digunakan ialah pembacaan dan analisis dan penilaian naratif. Hasil dapatan awal menunjukkan terdapat tiga kesalahan dalam undang-undang jenayah Islam yang membabitkan hukuman mati. Pertama; kesalahan hudud, iaitu yang membabitkan hak Allah S.W.T. Asal pelaksanaan hukuman mati bagi beberapa kesalahan tertentu adalah wajib. Namun, adakalanya terdapat kesalahan tertentu yang boleh ditangguhkan hukuman mati atau digugurkan seperti apabila si pesalah telah bertaubat. Ini menunjukkan masih ada ruang hukuman mati dimoratoriumkan dan digugurkan. Kedua; kesalahan qisas dalam pembunuhan, iaitu yang membabitkan hak sesama manusia. Hukuman mati bukanlah bersifat mandatori, bahkan ia diberi haknya kepada keluarga mangsa sama ada ingin membalas dengan bunuh atau tuntutan bayaran ganti rugi (*diyat*) atau kemaafan secara mutlak. Ketiga; kesalahan yang membabitkan hukuman takzir, Iaitu kes-kes yang tiada sebutannya dalam kesalahan hudud dan qisas, bahkan tertakluk kepada budi bicara pemerintah dan hakim. Hukuman mati dalam kategori ini juga bukanlah bersifat mandatori.

**Kata Kunci:** *Hukuman mati, mandatori, hudud, qisas, takzir:*

## 1.0 Pengenalan.

Pada dasarnya undang-undang jenayah Islam di Malaysia hanya meliputi ruang lingkup takzir. Hingga kini tiada sebarang undang-undang khas hudud mahupun qisas dilaksanakan walaupun terdapat usaha-usaha untuk melaksanakannya di Kelantan dan Terengganu satu ketika dulu. Malahan bidang kuasa jenayah mahkamah Syariah juga amatlah terhad jika dibandingkan dengan mahkamah sivil. Dari era sebelum merdeka hingga hari ini, kita telah menyaksikan beberapa pembaharuan dan perkembangan terhadap ruang lingkup undang-undang jenayah Islam di Malaysia. Secara umumnya undang-undang jenayah Syariah ini boleh diklasifikasikan kepada beberapa jenis hukuman. Hukuman ini dapat dibahagikan kepada beberapa kesalahan berhubung dengan seksual, minuman keras, akidah, kesusilaan, judi, rukun Islam, kesucian agama Islam dan institusinya, matrimoni dan juga kesalahan-kesalahan lain.

Jika ditinjau masih terdapat banyak peruntukan hukuman dan kesalahan jenayah Syariah yang masih belum dikuatkuasakan. Sepatutnya mahkamah Syariah diberikan bidang kuasa yang setaraf dengan mahkamah sivil dan diberikan hak secara eksklusif bagi membicarakan kes-kes melibatkan undang-undang Islam. Ini selaras dengan perlembagaan Malaysia yang menyebut secara jelas bahawa agama Islam adalah agama persekutuan.

## 2.0 Definasi Hukuman (*Al-Qadha'*).

Dari sudut bahasa hukuman berasal dari perkataan bahasa arab, iaitu *al-Hukm* (الحكم), ia adalah perkataan yang sama erti dengan *al-Qadha'* (القضاء), ditakrifkan sebagai: satu keputusan, ketetapan, ketentuan dan meleraikan (al-Fayumi, t.th). Sebahagian ahli bahasa membezakan antara *hukm* dan *qadha'*, iaitu perkataan *hukm* diletakkan pada satu keputusan yang adil, manakala *qadha'* digunakan secara mutlak sama ada adil atau tidak (al-Azhari, 2001).

Dari sudut istilah *fuqaha'* pula, secara umumnya perkataan hukum dibincangkan dan diterjemahkan daripada perbincangan *qadha'*, kerana terdapat hubungan yang amat kuat pada sudut bahasa. Maka kedua-dua perkataan tersebut memberi maksud: meleraikan dan memutuskan pertikaian antara dua pihak ataupun lebih dengan cara-cara tertentu (Abu Basol, t.th).

Manakala istilah yang digunakan oleh perundangan waktu kini tidak jauh berbeza dengan ulama dahulu dengan menamakan sebagai *al-hukm al-qadha'iy* (الحكم القضائي) atau *'uqubah* (العقوبة), iaitu keputusan dan hukuman hakim yang dilantik dibawah Akta Pentadbiran ke atas pesalah yang didakwa bagi memutuskan Hukum Syarak; iaitu Undang-undang Islam mengikut mazhab Shafie, atau mengikut mana-mana satu mazhab Maliki, Hanafi atau Hanbali (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, 2003. Negeri Perak, 2004).

Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa hukuman adalah keputusan yang dikeluarkan oleh hakim berautoriti terhadap pesalah yang didakwa, sama ada keputusan itu berbentuk suruhan, larangan atau denda yang berasaskan keadilan demi menciptakan kedamaian dalam kehidupan agar hak tiap-tiap individu dapat dilindungi.

### 3.0 Unsur Hukuman.

Terdapat dua unsur utama yang menentukan sesuatu kesalahan itu perlu hukuman ataupun tidak. Unsur tersebut diklasifikasikan sebagai berikut:

i) Hak Manusia; iaitu hak individu yang hukumannya disyariatkan khusus untuk kepentingan individu. Hak-hak tersebut adalah untuk menjaga kemaslahatan peribadi, baik hak itu bersifat umum seperti memelihara kesihatan, anak-anak, harta, memperoleh keamanan, menentang kezaliman, menikmati kemudahan awam milik negara, mahupun hak itu bersifat khusus seperti menghormati hak seseorang pemilik terhadap kepemilikannya, hak penjual mendapat harga jualan dan pembeli mendapatkan barangnya, hak seseorang untuk mendapatkan ganti rugi dari hartanya yang dirosakkan dan mengembalikan harta yang dirampas, hak isteri untuk mendapatkan nafkah dari suaminya, hak ibu untuk mengasuh anaknya dan ayah untuk memimpin anak-anaknya, hak setiap orang untuk melakukan aktivitiya dan lain-lain.

ii) Hak Allah Ta'ala; iaitu hak masyarakat yang hukumannya disyariatkan bertujuan untuk kemaslahatan masyarakat secara umum, maka hukumnya adalah hak mutlak Allah SWT dan mukallaf tidak mempunyai pilihan sama sekali. Namun pelaksanaannya diserahkan kepada pemerintah, hakim dan pihak penguatkuasa yang berautoriti. Hak-hak tersebut adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT, mengagungkan-Nya, menegakkan syiar-syiar agama-Nya dan mewujudkan kemaslahatan umum untuk dunia tanpa terbatas pada orang-orang tertentu seperti zakat, kaffarah dan hudud. Hak ini dinisbahkan kepada Allah SWT kerana kesamarataan manfaat dan maslahat yang terhasil kepada masyarakat, ertinya ia merupakan hak masyarakat.

#### 4.0 Prinsip Am Hukuman Syar'ie.

Perbuatan yang melanggar salah satu dari dua unsur di atas dikira sebagai satu kesalahan. Pada asasnya perbuatan ini wajar menerima hukuman yang setimpal. Namun demikian, ini tidak bermakna setiap orang yang telah melakukan perbuatan jenayah terus dikenakan hukuman tanpa diberi ruang untuk mempertahankan dirinya. Maka Islam sebagai agama yang syumul ini menetapkan prinsip asas untuk mensabitkan hukuman, berdasarkan prinsip keterangan dan pendakwaan berikut ini (Zaidan, 1989):

- i) Qarinah dan Fakta; iaitu keterangan berkaitan kesimpulan (*istinbat*) daripada fakta persoalan bagi kejadian yang tidak diketahui yang diperolehi daripada kejadian lain yang sabit dan diketahui atau fakta-fakta yang diperuntukan dalam Enekmn Keterangan Syariah.
- ii) Iqrar dan Pengakuan; iaitu pengakuan yang dibuat oleh seseorang secara lisan atau bertulis atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi terhadap seseorang lain berkenaan sesuatu hak. Sesuatu iqrar yang dibuat dalam mahkamah hendaklah di hadapan hakim. Atau jika di luar mahkamah, hendaklah di hadapan dua orang saksi lelaki yang akil, baligh dan adil.
- iii) Syahadah dan Kesaksian; iaitu perkhabaran seseorang muslim yang baligh, berakal dan adil mengenai sesuatu perkara yang diketahui dengan lafaz tertentu (*ashhadu*). Tiada keraguan terhadap persaksiannya seperti permusuhan, berkepentingan, kerabat terdekat dan bukan saksi kepada dirinya sendiri yang tertuduh terutama dalam kes jenayah dan mal.
- iv) Al-Yamin dan sumpah; iaitu salah satu pihak yang bertikai memperkukuhkan perkhabaran dengan menyebut nama Allah SWT atau sifat-sifat-Nya. Al-Yamin ada kalanya dilakukan oleh pihak tertuduh dan ada kalanya dilakukan oleh pihak pendakwa.

Kesemua perkara di atas secara dasarnya dipersetujui oleh fuqaha, walaupun mereka berbeza pada permasalahan *furū'*.

Prinsip am bagi penentuan hakim dalam memilih menjatuhkan hukuman takzir pula selepas terbuktinya sesuatu kesalahan, mestilah tidak keterlaluan sehingga menyebabkan kematian pada pandangan mazhab Shafi'e. Hakim perlulah dahulu meneliti nas-nas yang mengharuskan hukuman tanpa kefahaman yang jumud terhadap tekstual sesuatu nas sebaliknya perlulah memahami kontekstual nas dan kaedah qias, seperti pemenjaraan boleh diqiaskan dengan tahanan kediaman terhad dan sebagainya. Justeru, tanpa keterangan dan pendakwaan, Islam sekali kali menolak penangkapan dan hukuman tanpa sebab walaupun melalui pengetahuan hakim sendiri di luar mahkamah sepertimana yang dipersetujui oleh majoriti fuqaha.

## 5.0 Syarat Menjatuhkan Hukuman.

Peraturan hidup yang lebih dikenali dengan hukum syariah Islam sentiasa berkembang sesuai dengan peredaran zaman. Oleh yang demikian, hukum Islam tidaklah bersifat statik dan tidak juga bersifat kaku dan jumud, bahkan ia berbentuk fleksibel bertunjangan al-Quran dan al-Sunnah sesuai diamalkan tidak kira masa dan juga tempat.

Bagi pelaksanaan hukuman terhadap pesalah, ulama telah berusaha meletakkan garis panduan dan syarat yang ketat supaya selari dengan tuntutan Syarak dan sesuai dengan suasana dan masa yang dihadapinya. Antara syarat umum untuk dijatuhkan hukuman terhadap pesalah adalah (Abu Basol, t.th):

- i) Berlakunya perbalahan atau kejadian kemalangan; ia adalah syarat utama untuk berlakunya perbicaraan di mahkamah. Walaupun yang membincangkan syarat ini adalah mazhab Hanafi sahaja, pada sudut praktikalnya kesemua *fuqaha'* bersetuju akan pensyaratan ini kerana ia adalah asas utama untuk dinaikkan sesuatu kes itu di dalam perbicaraan mahkamah. Perbalahan atau kemalangan yang berlaku mestilah dituruti dengan syarat yang berikut supaya suatu keputusan hukuman itu dapat dilaksanakan dengan lancar, iaitu;
- ii) Pendakwaan dan keterangan; pendakwaan yang berlaku mestilah didengari oleh hakim dengan didatangi keterangan dan bukti yang kukuh seperti; fakta, saksi atau perakuan bersumpah seperti yang dinyatakan sebelum ini. Tanpa keterangan yang kukuh, pihak hakim mempunyai kuasa untuk menolak pendakwaan dan menggugurkannya.
- iii) Pemeriksaan saksi dan tiada penarikan; ia berikutan sifat keadilan yang ditekankan oleh Islam, maka seseorang saksi itu perlu diperiksa pada sudut keadilan dan bersih dari sebarang keraguan. Perkara ini juga masih menjadi amalan dengan disusuli beberapa peringkat, iaitu melalui pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula. Pemeriksaan seseorang saksi oleh pihak yang memanggilnya disebut pemeriksaan utama. Manakala pemeriksaan saksi oleh pihak menentang disebut pemeriksaan balas dan akhir sekali akan diperiksa semula oleh pihak mahkamah. Kesaksian juga perlulah berterusan tidak ditarik semula sehingga terlaksananya hukuman kepada pesalah. Apabila kesaksian ditarik semula, maka hukuman juga wajar digugurkan.
- iv) Kesalahan jelas dengan bukti tanpa syubahat; syarat ini amatlah penting bagi penentuan sesuatu hukuman, kerana pelepasan dari hukuman disebabkan kesamaran pada bukti lebih baik dan cermat berbanding mengenakan hukuman berdasarkan kesamaran. Sabda Rasulullah SAW:

"ادروا الحدود عن المسلمين ما استطعتم، فإن وجدتم لمسلم مخرجا فخلوا سبيله،  
في العفو خير من أن يخطئ في العقوبة فإن الإمام أن يخطئ"

Maksudnya: *“Berikanlah pelepasan dari pensabitan hukuman hudud di kalangan muslimin selagi kamu mampu, sekiranya di sana terdapat jalan keluar maka bebaskanlah dia, kerana sesungguhnya seorang pemimpin yang tersilap dalam memberikan kemaafan (tidak jatuh hukuman), lebih baik dari yang tersilap dalam mengenakan hukuman”* (al-Hakim, 1990).

## **6.0 Kesalahan Hukuman Mati Mandatori Menurut Undang-Undang Malaysia.**

Hukuman mati mandatori bermaksud hakim hanya boleh menjatuhkan hukuman mati sahaja kepada individu yang disabit bersalah mengikut seksyen/kesalahan tersebut, tidak boleh dikenakan hukuman lain. Terdapat 11 kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman mati mandatori di Malaysia ini, 9 kesalahan tertakluk kepada Kanun Keseksaan (2008) dan 2 lagi di bawah Akta Senjata Api, Penalti Lebih Berat (2006). Kesalahan jenayah yang melibatkan hukuman mati mandatori secara ringkas adalah seperti berikut:

i. Kanun Keseksaan (Panel Code), Akta 574: Beberapa seksyen di dalam Kanun Keseksaan dengan jelas menyebut kesalahan yang apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman bunuh atau mati. Di bawah adalah seksyen-seksyen yang berkait dengan hukuman mati mandatori:

- Seksyen 121A: Kesalahan-kesalahan terhadap tubuh Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang di-Pertua Negeri.
- Seksyen 130C: Melakukan perbuatan pengganas. Jika perbuatan itu mengakibatkan kematian.
- Seksyen 130I: Mengarahkan aktiviti-aktiviti kumpulan pengganas. Jika perbuatan itu mengakibatkan kematian.
- Seksyen 374A: Mengambil tebusan. Jika perbuatan itu mengakibatkan kematian
- Seksyen 130N: Memberikan atau mengumpul harta untuk perbuatan pengganas. Jika perbuatan itu mengakibatkan kematian.

- Seksyen 130O: Memberikan perkhidmatan bagi tujuan penganas. Jika perbuatan itu mengakibatkan kematian.
- Seksyen 130QA: Menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan tindakan penganas. Jika perbuatan itu mengakibatkan kematian.
- Seksyen 130ZB: Menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan aktiviti jenayah terancang. Jika perbuatan itu mengakibatkan kematian.
- Seksyen 302: Seksaan bagi kesalahan membunuh orang.
- Seksyen 307(2): Mencuba membunuh orang. Jika perbuatan itu mengakibatkan kecederaan.

ii. Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, Akta 37. Berdasarkan kepada akta tersebut dua (2) kesalahan yang melibatkan senjata api dikenakan hukuman mati, iaitu:

- Seksyen 3: Penalti kerana melepaskan tembakan daripada sesuatu senjata api pada melakukan sesuatu kesalahan berjadual.
- Seksyen 3A: Penalti bagi rakan sejenayah dalam hal melepaskan tembakan senjata api.

Seksyen 277 Kanun Acara Jenayah menyatakan, apabila individu dijatuhkan hukuman mati, hukuman harus mengarahkan dia digantung di leher sehingga mati. Bagaimanapun ada dua pengecualian: Seksyen 275 Kanun Acara Jenayah: Hukuman mati tidak boleh dijatuhkan kepada perempuan mengandung dan Seksyen 97 Akta Kanak-kanak: Hukuman mati tidak boleh dijatuhkan kepada kanak-kanak berusia bawah 18 tahun. Sebagai gantinya, mereka boleh dihukum penjara seumur hidup.

## **7.0 Hak Allah S.W.T dan Hukuman-Nya.**

Hak-hak Allah S.W.T adalah hak-hak yang ada kepentingan awam yang boleh mendapat manfa'at dan menolak kemudaratan. Kepentingan awam yang dimaksudkan adalah kembali kepada satu kumpulan yang besar sama ada kepada penduduk bumi ini secara umumnya atau sekelompok yang ramai secara khususnya seperti fakir, miskin dan golongan hamba pada satu ketika dahulu. Berikut adalah bahagian hukuman atas hak Allah Ta'ala:



- i. Kaffarat; perkataan ini berasal dari “kafr” yang bermaksud: penutupan (al-Razi, 2005). Yang dikehendaki disini ialah denda dan hukuman (‘Audah, t.th) yang diperintahkan oleh Allah bagi menutup dosa-dosa hambanya seperti memerdekakan hamba, berpuasa dan memberi makan fakir miskin.
- ii. Hudud; Dari sudut bahasa, perkataan “hudud” atau kata tunggalnya “hadd” bermaksud batas atau sempadan (al-Razi, 2005). Para fuqaha telah sepakat mendefinisikan hudud secara istilahnya; sebagai hukuman dan keseksaan yang telah ditentukan oleh Allah SWT demi menjaga kepentingan awam (‘Audah, t.th). Hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah SWT ini wajiblah dilaksanakan oleh hakim sekiranya mencukupi syarat-syarat pembuktian. Berasaskan kepada pengertian ini, *fuqaha*’ telah menghimpunkan beberapa kesalahan jenayah yang boleh dikenakan hukuman mati seperti berikut:

- a) Berzina seorang *Muhsan*; iaitu persetubuhan haram yang disengajakan oleh *Muhsan*, dengan kemasukan semua kepala zakar lelaki ke dalam bibir faraj wanita tanpa sebarang ikatan perkahwinan atau tanpa syubhat serta pengakuan si pesalah itu sendiri, atau disaksikan dan diperincikan perkara tersebut oleh 4 orang saksi lelaki yang adil (al-Shirbini, 1994).

Penzina ‘*Muhsan*’ yang dimaksudkan adalah; penzina lelaki yang baligh, berakal, merdeka serta telah memasukkan semua kepala zakar ke dalam faraj isterinya yang sah nikahnya, atau penzina perempuan yang baligh, berakal, merdeka serta telah dimasukkan semua kepala zakar suaminya ke dalam farajnya (al-Shirbini, 1994). Mereka yang sah nikahnya seperti gambaran di atas, apabila melakukan zina, maka tergolong daripada orang yang melakukan dosa besar dan perbuatan yang paling keji yang layak menerima hukuman yang paling rigid. Iaitu hukumannya adalah rejam sehingga mati.

Untuk dijatuhkan hukuman mati, mereka mestilah didapati bersalah melakukannya dengan sengaja dan arif tentang hukum haram kesalahan zina ini (al-Shirbini, 1994). Kesalahan ini dapat disabitkan sama ada diakui oleh pesalah sendiri atau disaksikan oleh 4 orang saksi lelaki yang adil serta memerincikan tubuh badan penzina lelaki dan perempuan itu bersama perincian tempat dan waktu. Tanpa mencukupi kriteria dan syarat zina ini, pesalah tidak boleh dikenakan hukuman mati, seperti penzina yang belum bernikah atau sudah bernikah akan tetapi belum bersetubuh dengan pasangannya yang sah, apabila disabitkan penzinaannya seperti maksud di atas, dengan 4 orang saksi yang adil mencukupi keperincian halnya, maka hukumannya adalah 100 kali sebatan sahaja. Namun, sekiranya tidak mencukupi bilangan saksi, atau hanya sempat memasuki sebahagian kepala

zakar sahaja ke dalam faraj, atau tidak disengajakan, atau jahil, atau saksi tidak mengenali pesalah (al-Shirbini, 1994. Al-Bahuti, 1051H), atau berlaku dari kanak-kanak, atau orang gila, maka hukuman mati dan sebat 100 kali juga tidak boleh dilaksanakan, bahkan hukumannya adalah dibawah budi bicara hakim dalam ketegori takzir.

Konklusinya, hukuman mati yang hendak dijatuhkan sangatlah ketat syarat-syaratnya sehinggakan pada zaman sekarang ini boleh dikatakan seolah-olah mustahil untuk dikenakan hukuman mati bagi penzina muhsan kecuali dengan perakuan dirinya sendiri. Justeru, kes-kes zina muhsin yang difailkan pada hari ini kebanyakannya tidak mencukupi syarat seperti yang dikehendaki oleh Syarak, menyebabkan pesalah akan berhadapan dengan hukuman takzir semata-mata.

Walaupun sedemikian, masih ada ruang untuk tergugur hukuman mati bagi kesalahan ini, iaitu si pesalah bertaubat sebelum atau selepas ditahan oleh pihak kuasa beserta terdapat tanda kekesalan dan pemulihan dari diri pesalah. Ini adalah berdasarkan pandangan yang lemah dalam mazhab Shafi'e, akan tetapi hujah-hujah yang dikemukakan oleh mereka masih relevan dengan apa yang terdapat dalam al-Quran secara zahirnya, di mana setiap ayat hukuman hudud dituruti pengecualiannya iaitu bertaubat, begitu juga zahir yang terdapat pada Sunnah seperti kisah sahabat Ma'iz (al-Rafi'e, 1997).

b) Murtad; iaitu kesalahan seorang yang asalnya muslim, baligh, berakal dan memilih dengan rela hati untuk keluar dari agama Islam sama ada dalam bentuk perbuatan seperti sujud pada berhala, atau percakapan seperti mengaku diri sebagai tuhan, atau niat dalam hati. Apabila sabit kesalahan, sama ada dengan pengakuan si pesalah atau disaksi oleh dua orang saksi, maka hukumannya adalah dibunuh selepas diminta untuk bertaubat.

Hukuman mati bagi kesalahan murtad juga bukanlah bersifat mandatori, kerana ianya boleh tergugur dengan bertaubat, sama ada dirinya bertaubat sebelum dijatuhkan hukuman mati atau selepas dijatuhkan hukuman itu yang belum dijalankan lagi hukuman tersebut. Bahkan pada kedudukan negara Malaysia, hukuman ini lebih kepada sifat moratorium kerana mengikut bacaan Seksyen 23 (3), Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1993 (2015), Kelantan, pesalah diberi ruang untuk bertaubat dalam tempoh yang tidak ditetapkan. Tempoh bertaubat selama-lamanya yang tidak ditetapkan ini merujuk kepada pandangan minoriti di kalangan tabi'in, iaitu imam Ibrahim al-Nakha'ei dan imam Sufyan al-Thauriy ('Abd Razzaq, 1403H.). Sehinggakan Ibn Hazm al-Zhahiriy mentafsirkan pandangan mereka berdua kepada hukuman takzir bagi kesalahan murtad, bukanlah hukuman hudud.

Makasi pesalah akan ditahan atau dipenjarakan tidak bertempoh sehingga pesalah bertaubat dan tidak dibunuh (Ibn Hazm, t.th). Pada masa kini, konsep penahanan murtad untuk proses *istitabah* juga diterjemahkan kepada beberapa sesi kaunseling yang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam di Malaysia atas dasar hukuman takzir yang amat ringan.

c) Menyamun (Hirabah); iaitu kesalahan yang dilakukan oleh seorang mukallaf yang berpengaruh dalam menghimpunkan kekuatan untuk menggugat ketenteraman awam serta menyekat orang awam dari mendapat sebarang bantuan. Ia juga boleh diterjemahkan sebagai kumpulan samseng, mafia atau pengganas. Terdapat 4 gelagat jenayah yang dilakukan oleh mereka, setiap daripadanya ada hukumannya yang tersendiri seperti yang tercatat dalam Seksyen 10, Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1993 (2015), Kelantan.

Pertama; menggugat ketenteraman awam dan membunuh dengan sengaja tanpa merampas harta. Hukumannya adalah mati dibunuh tanpa kemaafan.

Kedua; membunuh dan merampas harta bernilai  $\frac{1}{4}$  dinar atau lebih, hukumannya adalah mati dibunuh, kemudian disalib selepas disolatkan jenazahnya.

Ketiga; merampas harta bernilai  $\frac{1}{4}$  dinar tanpa pembunuhan. Hukumannya dipotong tangan kanannya dan kaki kirinya secara bersilang.

Keempat; menyekat orang awam serta ugutan sahaja tanpa melibatkan pembunuhan dan kecurian. Hukumannya ditahan dan dijatuhkan hukuman takzir.

Dua jenayah di atas akan mengakibatkan hukuman bunuh sekiranya disabitkan kesalahan kerana jenayah yang amat berat membabitkan kehilangan nyawa. Sekiranya dilihat dengan mata kasar, apabila ia membabitkan pembunuhan seseorang, maka ia dikaitkan dengan hak manusia yang perlu dikenakan hukuman qisas. Justeru, diberi hak tuntutan kepada keluarga mangsa sama ada ingin menuntut hak yang saksama iaitu dibalas dengan bunuh atau kemaafan beserta tuntutan bayaran ganti rugi (*diyat*) atau kemaafan secara mutlak. Namun, Syarak telah menjelaskan bahawa dua kes di atas adalah hak Allah S.W.T kerana pembunuhan ini dituruti dengan perancangan dari pihak yang berpengaruh dan berorganisasi serta menggugat ketenteraman awam. Lalu untuk membentaras jenayah tersebut, Syarak mengenakan hukuman hudud yang amat berat kepada pelaku salah iaitu mati yang wajib tanpa kemaafan walaupun dimaafkan oleh pihak keluarga mangsa itu sendiri.

Walau bagaimanapun, terdapat ruang untuk tergugurnya hukuman mati yang wajib ini bagi dua kesalahan di atas berdasarkan dua perkara:

Pertama: Taubat sebelum ditangkap oleh pihak kuasa. Maka hak Allah akan tergugur iaitu hukuman mati yang wajib, sepertimana yang disepakati oleh *Jumhur fuqaha* berdasarkan surah Maidah; 34. Manakala hak manusia masih kekal, sama ada hendak membalas hukuman bunuh (qisas) secara pilihan atau meminta diyat atau kemaafan ('Audah, t.th). Adapun taubat selepas penangkapan, ia juga boleh menggugurkan hukuman mati hak Allah S.W.T, sekiranya terdapat tanda kekesalan dan pemulihan dari diri pesalah. Akan tetapi, pandangan ini adalah pandangan yang lemah di dalam mazhab Shafi'e (al-Rafi'e, 1997).

Kedua: Maslahat yang dilihat pada sudut siyasah syar'iyah, ianya seperti risau dengan menjatuhkan hukuman mati ke atas pesalah boleh mengakibatkan mudarat lebih besar yang akan tercetus dari puak atau pengaruhnya yang masih berleluasa (al-Dasuki, t.th). Pandangan ini disandar kepada mazhab Maliki kerana bagi mereka huruf "ج" dalam surah al-Maidah: 33, adalah bermaksud pilihan dalam menentukan bentuk hukuman. Manakala *Jumhur* menjelaskan maksudnya adalah ketertiban hukuman berdasarkan kadar jenayah (Ibn Rushd, 2004). Maka dengan disandarkan kepada pandangan mazhab Maliki ini, hukuman mati masih ada ruang untuk digugurkan atas dasar maslahat dan bukan bersifat mandatori.

d) Memberontak (Bughat); iaitu kesalahan sebuah kumpulan beragama Islam yang memiliki kekuatan, keluar dari ketaatan pemerintah dengan tujuan menjatuhkannya dengan sengaja ('Audah, t.th). Ianya adalah satu kesalahan yang boleh menggugat kestabilan sebuah Negara dan melanggar perintah Allah supaya mentaati-Nya, mentaati Rasul-Nya dan ketua pemerintah. Hukumannya adalah diperangi mereka. Pemerintah perlulah menghantar utusan yang cerdik, pandai dan amanah untuk berdialog bersama mereka dahulu sebelum bermulanya sesuatu peperangan, berdasarkan surah al-Hujurat: 9.

Hukuman memerangi dan membunuh pemberontak masih dalam konteks moratorium, ia kerana penangguhan peperangan berlaku dari situasi peringkat awal lagi bagi memelihara darah dan kehormatan orang Islam. Terdapat tiga situasi yang berlaku ketika pemberontakan ('Audah, t.th):

Pertama: awal pemberontakan sebelum peperangan mengangkat senjata. Sesi dialog dan rundingan perlu dikemukakan oleh pihak kerajaan. Sekiranya mereka kembali ke pangkuan jalan, maka mereka dimaafkan dan tidak dikenakan hukuman mati. Setiap kes pembunuhan, kecurian dan kerosakan harta benda yang berlaku ketika situasi pertama ini, perlu dikenakan hukuman mengikut kes asalnya, pembunuhan adalah kes jenayah qisas yang kembali haknya kepada keluarga mangsa. Kecurian pula termasuk dalam kesalahan kes hudud yang boleh dikenakan potong tangan sekiranya

menepati syarat-syaratnya atau takzir sekiranya tidak memenuhi syarat. Kerosakan harta benda juga perlu dibayar ganti rugi melihat kepada kes rampasan harta.

Situasi kedua: apabila mereka nekad dengan pemberontakan, maka akan berlaku peperangan. Dihalalkan darah pemberontak serta harta mereka yang berada dalam peperangan mengikut kepada kemaslahatan negara, tidaklah melampaui batas kerana tujuannya adalah menakut-nakutkan mereka supaya kembalinya kepada ketaatan pemerintah. Adapun tawanan pemberontak yang cedera atau tahanan diluar medan perang, maka pandangan jumah *fuqaha* menyatakan mereka ini tidak dihukum bunuh dan perlu dirawat serta dilepaskan selepas beransur pulih dari fitnah dan pemberontakan. Sebahagian *fuqaha* Maliki dan Hanafi mengharuskan hukuman bunuh berdasarkan kemaslahatan selagimana masih dalam tempoh peperangan.

Seterusnya berlaku situasi ketiga: iaitu peperangan berakhir dengan berpihak kepada kerajaan pemerintah, maka darah dan harta pesalah-pesalah itu kembali haram serta perlu dipelihara semula. Justeru, pemerintah hanya layak mengenakan hukuman takzir sahaja atau memaafkan mereka. Fuqaha berbeza pandangan bagi pembunuhan yang berlaku dalam peperangan tersebut, apabila pemberontak yang membunuh ditangkap dan peperangan sudah berakhir, adakah dikenakan hukuman mati ataupun tidak? Pandangan Jumah menyatakan pesalah tidak dikenakan hukuman mati sama ada hukuman qisas ataupun gantiannya. Manakala pandangan yang lemah dalam mazhab Shafie mengenakan hukuman gantian dari qisas iaitu pembayaran diyat. Hal ini berlaku kerana terdapat syubhat dan kesamaran pada ketika pembunuhan yang berlaku dalam peperangan tersebut, syubhat ini penyebab tergugurnya hukuman mati qisas.

Konklusinya, hukuman pemberontak yang ditahan selepas ditewaskan masih dalam konteks hukuman pembayaran diyat atau takzir, iaitu atas budi bicara pemerintah atau hakim yang tidak melibatkan hukuman mati mandatori. Manakala tahanan ketika peperangan, hukuman bunuh juga bukanlah hukuman mandatori. Jumah *fuqaha* berpandangan mereka ini tidak dihukum bunuh, hanya dikenakan hukuman takzir atau dibebaskan selepas beransur pulih dari fitnah. Sebahagian mazhab Maliki dan Hanafi pula menyerah kepada keputusan pemerintah dan hakim untuk menjatuhkan hukuman mati melihat kepada kemaslahatan.

Manakala pemberontak yang terbunuh ketika peperangan bukanlah dianggap sebagai satu hukuman. Ia kerana peperangan yang berlaku adalah proses bagi mempertahankan negara yang tidak dapat dielakkan lagi serta bertujuan untuk menakut-nakutkan mereka supaya kembalinya kepada ketaatan pemerintah dan ke pangkuan jalan. Sekiranya pembunuhan atau mati adalah

hukuman, maka pastinya hukuman mati ini adalah bersifat mandatori yang tidak dapat digugurkan dari tawanan walaupun selepas berakhirnya pemberontakan ('Audah, t.th).

## 8.0 Hak Manusia Dan Hukuman Manusia.

Hukuman atas hak manusia, para fuqaha telah berkata:

(ما من حق لآدمي إلا والله فيه حق، إذ من حق الله على كل مكلف ترك أذاه لغيره)

Bermaksud: “*Tidaklah daripada hak manusia itu melainkan ianya hak Allah SWT jua, kerana hak Allah SWT ke atas setiap mukallaf adalah meninggalkan perkara yang menyakiti hak orang lain*” ('Audah, t.th).

Terdapat terlalu banyak permasalahan berhubung hak sesama manusia, ingin saya ringkaskan permasalahan yang memerlukan budi bicara hakim dan mangsa jenayah berkaitan hukuman mati, iaitu takzir dan qisas.

### 8.1 Takzir Berkaitan Hak Manusia.

Takzir; dalam etimologi bahasa arab perkataan takzir membawa beberapa pengertian di antaranya ialah menolak, mencegah, menolong dan mendidik (al-Razi, 2005). Manakala dari aspek terminologinya takzir dihuraikan sebagai hukuman pada kes-kes selain hudud dan qisas, yang mana sifat dan kadarnya tidak ditentukan secara rigid oleh Syarak, bahkan ditentukan oleh pemerintah atau hakim mengikut budi bicara yang berasaskan kemaslahatan dan boleh berubah mengikut keperluan tertentu serta ia juga boleh dimaafkan mengikut kehendak hakim kecuali kes-kes yang melibatkan orang lain. Maka ruang lingkup hukuman takzir sangatlah meluas sehingga disebut sebagai hukuman alternatif kepada hukuman hudud atau qisas yang tidak dapat dilaksanakan kerana tidak cukup syarat-syarat pelaksanaan atau gugur salah satu daripada syarat-syarat tersebut (al-Fishni, 2000). Asas utama dalam menentukan hukuman adalah kembali kepada penyesalan pesalah selepas hukuman. 'Abd Qadir 'Audah (t.th) menjelaskan satu kaedah umum iaitu:

(كل وسيلة تؤدي إلى إصلاح الجاني وتأديبه وحماية الجماعة من شره، تعتبر عقوبة مشروعة)

Maksudnya: “*Setiap perantaraan yang mendorong kepada kebaikan si penjenayah, mendidiknya dan melindungi masyarakat dari kejahatannya dianggap sebagai hukuman denda yang disyariatkan*”.

Antara hukuman takzir yang syariat telah menjelaskan secara perinsipnya adalah, hukuman yang paling berat iaitu hukuman bunuh; asalnya adalah terlarang sama sekali menjatuhkan hukuman bunuh dalam kategori kesalahan takzir berdasarkan firman Allah:

(وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ)

Maksudnya: “Dan janganlah kalian membunuh jiwa yang telah Allah mengharamkan melainkan dengan jalan yang benar (yang dibenarkan oleh Syarak)” (Surah Al-An’am: 151).

Pandangan ini dinyatakan dengan begitu serius oleh mazhab Shafi’e kerana tujuan takzir adalah untuk memberi pengajaran kepada pesalah. Namun, jumhur mengharuskan hukuman bunuh pada kesalahan yang begitu berat dan membahayakan khususnya apabila didorong oleh kemaslahatan seperti pengintipan muslim di dalam sebuah kerajaan Islam (‘Audah,t.th), ianya berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

" من أتاكم وأمركم جميعاً على رجلٍ واحدٍ، يريد أن يشقَّ عصاكم ويفرقَ جماعتكم، فاقتلوه "

Bermaksud: “ Barangsiapa yang datang kepada kalian dalam keadaan kesatuan kalian terhadap pemimpin yang satu, ia berkehendak untuk mematahkan tongkat kalian (kesatuan) dan memecahbelahkan jemaah, maka bunuhlah ia ” (Muslim, t.th).

Selain hukuman mati, hukuman sebat juga merupakan hukuman yang asas bagi kesalahan takzir. Mengikut pandangan kebanyakan ulama termasuk mazhab Shafi’e, hakim boleh menentukan kadar sebatan mengikut budi bicaranya selagimana tidak menyamai bilangan hukuman hudud yang paling rendah iaitu 40 kali sebatan sepertimana dalam kesalahan had meminum arak (al-Shirbini, 1994).

Antara takzir juga, hukuman salib; iaitu mengikat kedua tangan dan kedua kaki pesalah di pokok atau tiang pada tempat yang terdedah, bertujuan untuk memberi pengajaran kepada pesalah dan hebahan kepada masyarakat, tempoh hukuman salib mestilah tidak melebihi tiga hari. Jumhur *fuqaha*’ bersetuju mengenakan takzir dalam hukuman sedemikian rupa yang tidak melampaui batas sehingga boleh menyebabkan kematian. Maka pesalah walaupun dihukum, perlu dilayan dengan baik, diberi makan, minum, diberi ruang untuk berwudhuk dan solat (‘Audah, t.th).

Hukuman yang berkaitan menghadkan kebebasan, seperti hukuman pengusiran dan buang daerah; asasnya diambil dari sabda Rasulullah s.a.w:

"البِكَرُ بِالْبِكْرِ جَلْدُ مِائَةٍ وَتَنْفِي سَنَةٍ"

Maksudnya: “*lelaki dan perempuan yang belum kahwin (berzina) disebat seratus kali dan dibuang (daerah) selama setahun*” (Muslim, t.th).

Jumhur ulama berpandangan bahawa hukuman buang daerah selama setahun adalah hukuman hudud bagi kesalahan zina yang tidak boleh diubah. Mazhab Hanafi pula berpandangan hukuman tersebut adalah takzir yang ditentukan oleh budi bicara hakim.

Manakala bagi kesalahan selain zina, kesemua *fuqaha'* bersutuju hukuman buang daerah ini adalah dalam kategori takzir, akan tetapi berlaku perselisihan di antara fuqaha pada menentukan tempoh pengusiran. Bagi mazhab Shafi'e dan Hanbali, tempoh yang ditentukan mestilah kurang dari setahun kerana takzir itu tidak melampaui hudud. Mazhab Maliki dan Hanafi pula menyatakan tiada had bagi tempoh pengusiran.

Hukuman tahanan; terdapat dua jenis tahanan yang disyariatkan; **Pertama:** Tahanan bertempoh yang minimum disepakati oleh *fuqaha'* adalah sehari semalam, manakala tempoh maksimum adalah kurang dari setahun sepertimana yang diletak oleh mazhab Shafi'e berhujahkan qias kepada hadith pengusiran selama setahun bagi kesalahan berzina, ianya berbeza dengan pandangan jumhur yang menyatakan tiada had bagi tempoh maksimum. **Kedua:** Tahanan seumur hayat yang mana *fuqaha'* mempersetujui ianya untuk kes-kes yang berat seperti jenayah yang berterusan. Akan tetapi hukuman ini terikat dengan kelakuan pesalah sekiranya dirinya telah menyesal dan bertaubat maka hukuman boleh diringkankan atau dibebaskan. Kedua-dua jenis ini disyariatkan atas dasar proses pemulihan dan membimbing pesalah ke arah kebaikan.

Hukuman pemulauan; iaitu memisahkan dan mengasingkan pesalah dari berbicara dengan masyarakat. Hukuman ini juga telah disyariatkan oleh Rasulullah s.a.w, di mana beliau memerintahkan para sahabat memulau Ka'ab bin Malik, Murarah bin Rabi'ah dan Hilal bin Umayyah sebagai hukuman kerana tidak menyertai peperangan Tabuk. Lalu dipulaukan mereka selama 50 hari, tiada seorang pun yang menegur dan bercakap dengan merekasehinggalah turunnya ayat 118, Surah al-Taubah.

Hukuman yang berkaitan dengan harta seperti penghapusan harta; iaitu pemusnahan harta yang berunsur munkar seperti berhala, arak, dadah, alat-alat muzik. Sebagaimana sayyidina 'Umar telah memerintahkan agar kedai milik Ruwaishid dibakar kerana menjual arak ('Abd Razzaq, 1403H). Begitu juga, seperti mengubahsuai harta di mana Rasulullah SAW mengubah gambar patung yang ada ditirainya dengan memotong dua dan dijadikan



lapik (Abu Daud, t.th). Antaranya juga, membayar denda atau ganti rugi; hukuman takzir seperti ini menjadi perbincangan yang luas di kalangan *fuqaha'* temporeri terutamanya melibatkan kelewatan pembayaran hutang pinjaman bank kerana terdapatnya unsur riba dan kezaliman. Pandangan yang rajih di sisi jumur *fuqaha'* adalah tidak harus mengenakan takzir dalam bentuk pembayaran, bahkan Imam al-Nawawi mengatakan dalil-dalil yang mengharuskan sedemikian sudah pon dimansuhkan. Manakala Ibnu Taimiyyah dan Ibnu Qayyim masih berpegang dengan dalil-dalil tersebut, antaranya tindakan Rasulullah SAW mengenakan denda dua kali ganda nilai harta kecurian yang dicuri bukan dalam simpanan (*hirz*). Dr. Wahbah al-Zuhaily merumuskan khilaf yang berlaku ini dengan berkata: “ Yang benarnya, bahawasa bayaran denda atau ganti rugi ini berubah dengan perubahan maslahat, dan permasalahan ini kembali kepada ijtihad para imam mujtahid yang melihat pada keadaan semasa dan tempat bersesuaian dengan maslahat, kerana tiada satu dalil pun yang menyatakan pemansuhan, tambahan pula perkara ini dipraktikkan oleh Khulafa al-Rasyidin dan pemerintah selepas mereka ” (al-Zuhaily, t.th).

Hukuman takzir yang paling ringan iaitu berkaitan dengan sentuhan hati, seperti teguran nasihat, amaran dan pukul yang tidak sakit. Ketiga-tiga perkara ini diambil dari firman Allah SWT:

(وَاللَّاتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ)

Maksudnya: “ *Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka dan (jika mereka berdegil) pulaulkanlah mereka di tempat tidur dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya).*” (Surah al-Nisa’: 34).

## 8.2 Qisas Adalah Hak Manusia.

Qisas; dari segi bahasa bererti kesamaan atau keserupaan. Secara istilahnya ia difahami sebagai hukuman yang serupa dengan kesalahan yang dilakukan. Qisas dikenakan atas kesalahan-kesalahan yang melibatkan nyawa atau tubuh badan manusia yang merupakan hak-hak perseorangan atau persendirian. Jika seseorang melakukan kesalahan membunuh, maka hukumannya ialah dibalas bunuh.

Hukuman qisas bukanlah kuasa mutlak yang dimiliki oleh hakim, akan tetapi ianya terbatas dan berhubung rapat dengan kebenaran mangsa jenayah atau keluarganya. Dalam kes pembunuhan, hakim boleh menjatuhkan hukuman

bunuh sekiranya keluarga mangsa mendakwa dengan bukti yang kukuh dan meminta supaya dibalas dengan setimpalnya. Adapun ketika keluarga mangsa memberikan kemaafan, mereka masih lagi mempunyai hak untuk meminta hukuman gantian iaitu bayaran ganti rugi yang diistilahkan dengan “diyat” dan hakim tidak boleh membuat keputusan sendiri dalam menjatuhkan hukuman mati.

Adapun ketika mana keluarga mangsa memberi kemaafan secara mutlak tanpa gantian, hakim juga tidak boleh membuat keputusan sendiri untuk menentukan hukuman mati dan pembayaran diyat, kecuali hakim diberi kuasa untuk mengenakan hukuman takzir sahaja, kerana ianya hukuman alternatif kepada hukuman qisas yang tidak dapat dilaksanakan.

Hukuman qisas terbahagi kepada tiga bahagian melihat kepada mangsa jenayah. Di sini hanya membincangkan satu bahagian sahaja yang melibatkan hukuman mati, iaitu:

(قتل النفس) Pembunuhan mangsadengan sengaja; hukumannya adalah bunuh secara setimpal dan serupa (qisas) bagi pandangan jumhur, hukuman yang serupa dilaksanakan sekiranya mampu mempercepatkan kematian. Adapun hukuman qisas yang menyeksakan dan melambatkan kematian, maka dikenakan hukuman pedang serta merta di mana hukuman ini juga dipersetujui oleh mazhab Hanafi yang mana mereka berpandangan pedang adalah satu-satunya hukuman qisas (Ibn Rushd, 2004). Hukuman bunuh ini wajib dilaksanakan sebagai pengajaran kepada masyarakat melainkan waris si mati memberi kemaafan, maka hakim tiada kuasa untuk menjalankan hukuman qisas, akan tetapi waris si mati masih mempunyai hak sama ada menuntut wang ganti rugi (diyat) atau memaafkan penjenayah secara keseluruhan.

Istilah “sengaja” atau “*al-amd*” kembali kepada tiga elemen utama yang menjadi perbincangan di kalangan *jumhur fuqaha* (‘Audah, t.th), iaitu;

Pertama: diniatkan atau dimaksudkan perbuatan jenayah iaitu membunuh.

Kedua: dimaksudkan kepada mangsa tertentu di kalangan manusia.

Ketiga: alat yang diguna pakai boleh membunuh secara pasti atau pada kebiasaannya.

Sekiranya berlaku jenayah tanpa niat perbuatan dan tanpa niat pada mangsa atau tiada salah satunya, seperti terjatuh di atas seseorang lalu berlakunya kematian, atau niat memamah menyangkakan binatang buruan, rupa-rupanya yang terkena adalah manusia, maka jenayah tersebut dikategorikan sebagai “tidak sengaja”. Dan sekiranya berlaku jenayah dengan niat perbuatan serta bermaksud kepada mangsa tertentu dengan menggunakan alat yang tidak membunuh secara kebiasaannya, maka ia dikategorikan sebagai “separuh sengaja” (al-Shirbini, 1994). Pelaksanaan hukuman bunuh yang setimpal (qisas) hanya boleh berlaku pada pembunuhan yang “sengaja” sahaja. Manakala pembunuhan “tidak sengaja” atau “separuh sengaja” tidak boleh dikenakan hukuman mati, bahkan hukuman gantian yang perlu dilaksanakan iaitu pembayaran diyat atau dimaafkan.

### 8.3 Diyat.

Diyat adalah sejumlah harta yang wajib diberikan kepada mangsa jenayah atau warisnya sebagai hukuman gantian atau pampasan di atas kesalahan membunuh atau mencederakan seseorang. Diat juga boleh tergugur dengan kemaafan yang diberikan dari pihak mangsa atau keluarganya.

Nilai satu diyat ditetapkan sebanyak 100 ekor unta atau 1,000 dinar emas atau 12,000 dirham perak. Namun, selain daripada tiga medium ini, para fuqaha seperti Abu Yusoff dan Muhammad Ibn Hassan menerima tiga lagi medium pembayaran diat seperti lembu 200 ekor, kambing 2,000 ekor dan pakaian 200 pasang (Ibn Rushd, 2004). Pembayaran melalui medium-medium ini juga disandarkan kepada Nabi SAW melalui beberapa riwayat. Dalam realiti semasa, transaksi ekonomi dilakukan menggunakan wang kertas. Unta, emas, perak, lembu, kambing dan pakaian tidak lagi digunakan sebagai medium transaksi kecuali dinar dan dirham di beberapa negara. Justeru, menurut perbincangan para sarjana, pembayaran diat pada zaman ini boleh dibuat menggunakan wang kertas bersandarkan kepada nilai diyat yang ditetapkan melalui medium-medium di atas. Pihak pemerintah boleh menetapkan sandaran yang sesuai. Namun, daripada enam medium pembayaran tersebut, nilai emas dan perak dilihat lebih mudah untuk dinilai dan ditukar dengan mata wang semasa. Walau bagaimanapun, jika harga emas atau unta mencecah nilai yang terlalu tinggi, kerajaan boleh juga mempertimbangkan 12,000 dirham. Pemilihan ini bergantung pada ijtihad pemerintah, sesuai dengan amalan pada zaman Nabi SAW dan khalifah Umar al-Khattab ketika harga unta menjadi terlalu tinggi. (Ibn Majah, t.th. Abi Daud, t.th)

Setiap perincian di atas, bermula dari jenayah pembunuhan jiwa seseorang, keratan tubuh badannya sehingga janin bayi, menunjukkan kepada kita bahawa agama Islam ini begitu syumul dalam aspek menjaga hak-hak

keperibadian manusia kerana hukuman qisas dan diyat yang di syariatkan ini sangat menepati keadilan sesama manusia dan tidak dapat disangkal walaupun sudah berlalu beribu tahun, umumnya ia menjaga keamanan sejagat dan khususnya menjaga hak-hak mangsa dan keluarganya yang menepati ciri-ciri meringankan tanggungan bebanan dan menjamin masa hadapan mereka. Apatah lagi hukuman yang berkait rapat dengan hak Allah SWT, lebih meyakinkan kita keadilannya dan memelihara kepentingan awam di bumi ini dari kerosakan, di mana diri manusia sendiri tidak dapat membendungnya apabila ianya berleluasa.

## **9.0 Undang-Undang Jenayah Islam: Penyelesaian Permasalahan Hukuman Mati Mandatori.**

Tajuk ini akan memerincikan huraian yang terdapat dalam setiap seksyen-seksyen Kanun Keseksaan dan Akta Senjata Api. Huraian tersebut akan memberi gambaran yang jelas pada jenayah yang berlaku. Justeru, gambaran permasalahan tersebut akan diselesaikan melalui medium undang-undang jenayah Islam yang sedia ada. Kaedah ini menepati kaedah al-fiqhiyyah di dalam penyelidikan:

الحكم على شيء فرع عن تصورہ

Bermaksud: “*Menghukum ke atas sesuatu itu adalah cabang bagi gambaran asalnya.*”

Keterangan kaedah di atas mengutamakan gambaran dan kronologi sesuatu kes kerana ia adalah asal kepada hasil sesebuah hukum. Dengan mengetahui asal gambaran hukuman mati mandatori dalam akta dan Kanun Keseksaan, akan terkeluarlah cabang iaitu hasil dalam mengeluarkan sesuatu hukum serta bersesuaian dengan keadaannya. Oleh itu, dibawakan semula seksyen-seksyen yang berkaitan hukuman mati mandatori dan keperinciannya di bawah serta penyelesaiannya di dalam undang-undang jenayah Islam.

### **9.1 Kanun Keseksaan (Panel Code):**

#### **9.1.1 Seksyen 121A.**

“*Kesalahan-kesalahan terhadap tubuh Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang di-Pertua Negeri.*

*Barang siapa merancang, mengada-ada, mereka-reka, berikhtiar atau berusaha akan kematian atau kecederaan atau penjaraan atau terhalangnya Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana Raja atau Yang di-Pertua Negeri,*

*bakal-bakal atau pengganti-pengganti mereka, hendaklah disiksa dengan bunuh (hukuman mati) dan bolehlah juga dikenakan denda ”.*

Kesemua perbuatan di atas dapat disimpulkan dengan perkataan; menentang pemerintah tertinggi yang mana mereka pemerintah juga masih dalam keadaan hidup belum dibunuh.

Asas penentangan tersebut sekiranya bertujuan untuk mengambil alih kerajaan, maka boleh dikategorikan dalam jenayah *al-Bughat*, iaitu pemberontakan untuk menjatuhkan sebuah kerajaan. Kesalahan-kesalahan di atas dapat disimpulkan kepada dua tindakan: Pertama: Perancangan peringkat awal. Kedua: Berusaha nekad untuk menentang.

Bagi tindakan pertama, Islam mengajar untuk berdialog dan berunding dahulu dengan pemberontak yang beragama Islam. Tidak boleh dikenakan hukuman mati sebelum berlakunya rundingan, yang boleh hanyalah takzir, iaitu hukuman mengikut budi bicara hakim. Hukuman mati hanya berlaku apabila mereka nekad dan berusaha untuk menjatuhkan institusi diraja, iaitu ketika tindakan kedua di atas diputuskan. Namun, hukuman mati itu bukanlah bersifat mandatori. Ia berlaku apabila pihak kuasa menyerang mereka dari berleluasa, lalu terpaksa membunuh mereka. Apabila terdapat hasil tangkapan, hukuman mati juga bukanlah ketentuan utama, bahkan masih lagi dalam ruangan hukuman takzir yang kembali kepada budi bicara pemerintah atas dasar kemaslahatan(‘Audah,t.th).

Sekiranya kesalahan-kesalahan di atas dilakukan untuk tujuan hirabah pula, iaitu membuat kacau bilau serta mengganggu ketenteraman awam, maka pesalah-pesalah yang ditangkap dan disabitkan kesalahannya di hadapan mahkamah boleh dihukumkan dengan hukuman takzir juga. Ia kerana tidak ada berlaku pertumpahan darah dan kerosakan harta benda awam untuk dihukum hukuman hudud. Namun, apabila membabitkan kematian maka hukuman mati boleh djatuhkan oleh mahkamah secara pasti. Akan tetapi, masih ada kelonggaran dari sudut Syarakuntuk tergugurnya hukuman tersebut, iaitu sekiranya pesalah sudah bertaubat(Ibn Rushd, 2004) atau terdapat kemaslahatan yang perlu diutamakan(al-Dasuki, t.th).

### 9.1.2 Seksyen 130C, 130I & 374A.

Seksyen 130C: “*Melakukan perbuatan pengganas.*”

*Barang siapa, dengan apa pun cara, secara langsung atau tak langsung, melakukan perbuatan pengganas hendaklah diseksa; (a) jikalau tindakan itu menyebabkan kematian, dengan bunuh (hukuman mati) ”.*

Seksyen 130I: “*Mengarahkan aktiviti-aktiviti kumpulan pengganas.*”

*Barang siapa yang dengan niat mengarahkan aktiviti-aktiviti kumpulan pengganas hendaklah diseksa; (a) jika perbuatan itu mengakibatkan kematian, dengan bunuh (hukuman mati) ”.*

Seksyen 374A: “*Mengambil tebusan.*”

*Sesiapa yang menangkap atau menahan dan mengugut untuk bunuh, cedera atau terus menahan orang lain (orang tebusan) untuk memaksa Kerajaan Malaysia atau mana-mana kerajaan negeri di Malaysia, mana-mana kerajaan yang lain atau lain-lain organisasi antarabangsa atau mana-mana orang lain atau kumpulan orang untuk melakukan atau menegah daripada melakukan apa-apa perbuatan keadaan eksplisit atau implisit bagi pembebasan orang tebusan hendaklah dihukum; (a) jika perbuatan itu mengakibatkan kematian, dengan bunuh (hukuman mati) ”.*

Maksud “perbuatan pengganas” adalah sama erti dengan “tindakan” (Kamus Dewan, 2002). Dalam Kanun Keseksaan, merujuk Seksyen 130B, subseksyen (2) dan (3), dibawakan maksud “tindakan pengganas” secara terperinci, iaitu secara umumnya terbahagi kepada tiga tindakan pada kaca mata Syarak:

Pertama: Tindakan yang menggugat keselamatan negara dan pemerintah, seperti perbuatan atau ugutan tindakan dalam atau luar Malaysia dibuat dengan niat untuk melanjutkan suatu perjuangan politik, agama atau ideologi. Juga, berniat mempengaruhi atau memaksa Kerajaan Malaysia atau mana-mana Kerajaan lain membuat atau menahan daripada melakukan apa-apa perbuatan. Bermaksud juga untuk mengganggu secara serius peruntukan perkhidmatan kecemasan yang penting seperti polis, pertahanan awam atau perkhidmatan perubatan dan yang melibatkan prejudis kepada keselamatan negara atau keselamatan awam. Semuanya terdapat pada subseksyen 2(b), 2(c) ii, (h) dan 3(j).

Kesalahan-kesalahan di atas, ada ketika boleh dikaitkan dengan hukuman pemberontak (*al-Bughat*) sekiranya mereka dikalangan orang Islam, yang mana dilihat kepada tujuan niat mereka dalam perjuangan politik, agama atau ideologi yang bersifat takwilan (al-Shirbini, 1994) tidak menyebelahi pemerintah sehingga menggugat keselamatan negara. Maka hukumannya seperti yang dijelaskan dalam penjelasan isu Seksyen 121A di atas. Ada ketika bersifat melampau yang termasuk dalam hukuman *hirabah*, penjelasannya pula seperti kes-kes dibawah.

Kedua: Menggugat ketenteraman awam, seperti perbuatan atau ugutan berniat untuk menakutkan orang awam, melibatkan cadera parah, membahayakan nyawa dan risiko yang serius pada kesihatan seperti pembebasan bahan berbahaya, radioaktif dan bahan kimia toksik ke dalam persekitaran, perbuatan yang menyebabkan kematian, melibatkan penggunaan senjata api, bahan letupan atau alat berbahaya yang lain, seperti yang terdapat pada subseksyen 2(c) i, 3(a), (b), (c), (d), (f) dan (g).

Kesalahan-kesalahan di atas adalah kes jenayah *hirabah* yang melibatkan kerisauan orang awam. Sekiranya membabitkan kematian maka hukumannya adalah mati tanpa kemaafan kecuali pesalah sudah bertaubat sebelum ditangkap seperti yang dijelaskan dalam tajuk *hirabah*. Manakala sekiranya membabitkan kecederaan anggota yang tidak bawa kepada kematian, maka hukumannya adalah takzir dari hakim dan mangsa ada hak untuk menuntut hukuman yang setimpal (qisas) pada mencederakan anggota penjenayah atau menuntut wang pampasan ganti rugi atau memaafkannya (al-Shirbini, 1994). Manakala bagi kecederaan dalaman disebabkan bahan berbahaya, radioaktif dan bahan kimia toksik ke dalam persekitaran, seperti yang melibatkan rongga halkum, saluran pernafasan, usus, paru-paru, buah pinggang dan sebagainya tidak boleh dikenakan qisas, hanya bayaran diyat sahaja iaitu 1/3 diyat bagi setiap satu anggota dalaman (al-Shirbini, 1994). Bagi kesalahan *hirabah* yang tidak melibatkan kematian dan kecederaan seperti menakutkan orang awam hukumannya adalah penangkapan dan takzir semata-mata.

Ketiga: Perbuatan atau ugutan yang melibatkan kerosakan serius pada harta benda, seperti yang terdapat pada subseksyen 3(e).

Kesalahan di atas juga adalah berkait dengan *hirabah*, sekiranya membabitkan kecurian yang mencukupi syarat hudud, maka boleh dikenakan hukuman potong tangan kanan dan kaki kiri secara bersilang. Manakala kecurian yang tidak mencukupi syarat atau merosakkan harta semata-mata, maka boleh dikenakan hukuman takzir. Segala harta yang dicuri dan dirosakkan, kesemua kerugiannya perlu ditanggung oleh pesalah (al-Shirbini, 1994).

Walau bagaimanapun, hukuman mati mandatori dalam Seksyen 130C (a), Seksyen 130I (a) dan Seksyen 374A di atas, berhubung rapat dengan tindakan penjenayah yang menyebabkan kematian pihak awam. Maka pastinya kes tersebut adalah kes *hirabah* di mana hukuman mati juga adalah wajib. Akan tetapi yang membezakan hukuman mati mandatori dan hukuman mati wajib berdasarkan hak Allah SWT adalah, bahawasanya hukuman mati mandatori, hakim tidak boleh menggugurkannya selepas didapati bersalah walaupun ditangkap dalam keadaan sudah bertaubat. Ia berbeza dengan hukuman *hirabah* yang diberkas selepas bertaubat, maka kesepakatan pandangan jumhur *fuqaha'* mengatakan hukuman yang berkait dengan hak Allah SWT iaitu wajib mati adalah tergugur ('Audah, t.th). Manakala hak sesama manusia masih boleh dipraktikkan, sama ada keluarga mangsa meminta balasan setimpal iaitu mati atau bayaran yang setimpal (diyath) atau memaafkannya, maka hukuman mati yang berkait dengan hak manusia adalah berbentuk pilihan, bukanlah mandatori. Dari perspektif perbezaan inilah menunjukkan Islam tidak mengiktiraf hukuman mati mandatori secara mutlak seperti yang direka oleh manusia melalui akta atau kanun. Hatta hukuman mati yang dituruti taubat dan pemulihan selepas penangkapan juga terdapat pandangan yang lemah di sisi mazhab Shafi'e memberi hak keguguran hukuman mati yang berkait dengan hak Allah SWT tersebut (al-Rafi'e, 1997). Dengan mengambil pandangan yang lemah ini juga, ia memberi ruang kepada pesalah untuk dikenakan hukuman takzir iaitu ditahan di pusat pemulihan akhlak yang sudah dibangunkan di Malaysia ini. Itu pun sekiranya penjenayah dimaafkan oleh keluarga mangsa. Justeru, sekiranya selepas proses pemulihan si pesalah sudah berubah, maka hakim boleh memaafkannya atas taubatnya. Manakala, sekiranya masih terlibat dengan keganasan dan pembunuhan, maka wajarlah hakim menimbang keputusan untuk mengenakan hukuman yang lebih berat sehingga membabitkan hukuman mati.

### 9.1.3 Seksyen 130N, 130O, 130QA & 130ZB:

Seksyen 130N: “ *Memberikan atau mengumpul harta untuk perbuatan penganas.*

*Barang siapa yang dengan apa pun cara, secara langsung atau tak langsung, memberikan atau mengumpul atau menyediakan mana-mana harta dengan niat, ketahuhi atau yang ada sebab munasabah untuk mempercayai bahawa harta itu akan digunakan, secara keseluruhan atau sebahagian, untuk melakukan perbuatan penganas hendaklah diseksa; (a) jika tindakan itu mengakibatkan kematian, dengan bunuh (hukuman mati) ”.*



Seksyen 130O: “ *Memberikan perkhidmatan bagi tujuan pengganas.*

*Barang siapa, sama ada secara langsung atau tak langsung, memberikan atau menyediakan perkhidmatan kewangan atau kemudahan; (a) berniat supaya perkhidmatan atau kemudahan itu digunakan, atau ketahui atau yang ada sebab munasabah untuk mempercayai bahawa perkhidmatan atau kemudahan itu akan digunakan, secara keseluruhan atau sebahagian, bagi tujuan untuk melakukan atau membantu berlakunya perbuatan pengganas itu, atau bagi tujuan memanfaatkan mana-mana orang yang melakukan atau membantu berlakunya perbuatan pengganas; atau (b) yang ketahui atau yang ada sebab munasabah untuk mempercayai bahawa, secara keseluruhan atau sebahagian, perkhidmatan atau kemudahan itu akan digunakan oleh atau akan memanfaatkan mana-mana pengganas atau kumpulan pengganas, hendaklah diseksa ; (aa) jika tindakan itu mengakibatkan kematian, dengan bunuh (hukuman mati) ”.*

Seksyen 130QA: “ *Menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan tindakan pengganas. Jika perbuatan itu mengakibatkan kematian ”.*

Seksyen 130ZB: “ *Menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan aktiviti jenayah terancang. Jika perbuatan itu mengakibatkan kematian ”.*

Kesalahan-kesalahan di atas adalah dikategori sebagai bersubahat dengan pengganas dalam kes hirabah. Undang-undang jenayah Islam menamakan dengan istilah “al-Rid’i” (bersubahat menyamun).

Para ulama berselisih pendapat dalam hukuman terhadap pihak yang bersubahat membantu penyamun atau pengganas, sama ada dengan menghulurkan apa-apa bantuan tidak langsung kepada mereka walaupun tidak bersama pihak pengganas atau semata-mata demi memperbanyakkan jumlah mereka dan melibatkan kematian orang awam.

Jumhur *fuqaha*’ Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali berpendapat bahawa mereka ini dihukum seperti mana hukuman terhadap pengganas (*hirabah*), kerana mereka dianggap sebagai pihak yang berkomplot terlibat secara langsung dalam aktiviti keganasan, di mana ianya terjadi dengan kerjasama dan bantuan mereka. Dan sememangnya lumrah aktiviti keganasan ini dibuat oleh beberapa individu dan dibantu oleh individu-individu lain. Maka jika sekiranya mereka yang membantu ini tidak dihukum sebagaimana dihukumnya pengganas, ia akan membuka satu pintu fitnah yang luas untuk mereka mengeksploitasikannya (‘Audah, 1994).

Adapun *fuqaha'* Mazhab Shafi'e berpendapat bahawa golongan ini tidak dihukum hudud sebagaimana dihukum para penyamun dan pengganas yang melakukan kesalahan *hirabah*. Di sisi mereka, golongan ini dihukum takzir seperti semua jenayah-jenayah lain yang tidak digariskan apa-apa hukuman hudud oleh Syarak (al-Ansari, t.th).

#### 9.1.4 Seksyen 302:

*“ Seksaan bagi kesalahan membunuh orang.*

*Barang siapa melakukan kesalahan membunuh orang hendaklah disiksa dengan bunuh (hukuman mati) ”.*

Kesalahan membunuh orang adalah bermaksud mematikan dan menghilangkan nyawa seseorang melainkan beberapa pengecualian yang disebut dalam Seksyen 300. Seksyen 300 ini jelas menyatakan kesalahan membunuh ini berlaku jika:

(a) *Jika perbuatan yang menyebabkan kematian itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kematian. Misalnya, A tembak Z dengan niat hendak membunuhnya. Z mati akibatnya. A adalah melakukan kesalahan membunuh orang.*

(b) *Jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan sesuatu bencana tubuh, yang pesalah itu ketahui mungkin menyebabkan kematian orang yang dikenakan bencana itu. Misalnya, A yang ketahui bahawa Z sedang menderita sesuatu penyakit yang sedemikian bahawa suatu pukulan mungkin menyebabkan kematiannya, memukulnya dengan niat hendak menyebabkan bencana tubuh badan. Z mati akibat pukulan itu. A adalah melakukan kesalahan membunuh orang walaupun pukulan itu mungkin tidak cukup pada lazimnya bagi menyebabkan kematian seseorang yang dalam keadaan sihat sempurna. Tetapi jika A dengan tidak mengetahui bahawa Z sedang menderita sesuatu penyakit mengenakan suatu pukulan yang pada lazimnya tidak akan membunuh seseorang yang dalam keadaan sihat yang sempurna, maka A, walaupun bermaksud menyebabkan bencana tubuh, tidak melakukan kesalahan membunuh orang jika ia tidak bermaksud hendak menyebabkan kematian, atau sesuatu bencana tubuh yang pada lazimnya akan menyebabkan kematian.*

(c) *Jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan bencana tubuh kepada seseorang, dan bencana tubuh yang dimaksud hendak dikenakan itu adalah cukup pada lazimnya bagi menyebabkan kematian. Misalnya, A dengan sengaja melukakan Z dengan pedang atau kayu pada lazimnya cukup bagi menyebabkan kematian seseorang. Z mati akibatnya.*

*Di sini A adalah melakukan kesalahan membunuh orang, walaupun ia mungkin tidak bermaksud hendak menyebabkan kematian Z.*

*(d) Jika orang yang melakukan perbuatan itu ketahui bahawa perbuatan itu adalah sebegitu sekali berbahaya hingga mungkin sekali menyebabkan kematian, atau sesuatu bencana tubuh badan yang mungkin menyebabkan kematian, dan ia melakukan perbuatan itu dengan tiada apa-apa sebab bagi mendatangkan bahaya menyebabkan kematian, atau bencana sebagaimana tersebut itu. Misalnya, A dengan tiada apa-apa sebab tembakkan meriam yang berisi peluru ke arah sekumpulan orang lalu membunuh seorang daripada mereka. A adalah melakukan kesalahan membunuh orang, walaupun ia mungkin tiada satu rancangan yang terdahulu hendak membunuh seseorang yang tertentu.*

Seksyen 300 (a), (b), (c) dan (d), kesemua kesalahan tersebut secara umum adalah membunuh dengan sengaja pada sudut undang-undang jenayah Islam, kerana elemen “sengaja” yang diletakkan oleh *fuqaha*’ terdapat pada kesemua keadaan, iaitu bermaksud untuk membunuh pada mangsa tertentu dengan alat yang membunuh secara pasti atau pada kebiasaannya (‘Audah, t.th). Bagi keadaan (a) sangat jelas motif jenayah iaitu pembunuhan.

Manakala keadaan (b) pula, perbuatan jenayah itu dibuat ketika keadaan mangsa yang tenat atau pada anggota penting yang jadi penyebab utama untuk berlakunya kematian. Perkara ini diketahui oleh pelaku salah, maka dirinya bermaksud untuk melakukan perkara kecil tetapi memberi kesan kepada kematian. Justeru, hukumannya juga adalah qisas dibalas bunuh yang datang tuntutan dari pihak keluarga mangsa (al-Shirbini, 1994). Adapun tanpa pengetahuan pelaku, maka ia dikira sebagai pembunuh tidak sengaja dan tidak dikenakan qisas pada pandangan lemah dalam mazhab Shafi’e.

Keadaan (c) juga sama dengan keadaan (a), elemen “sengaja” dapat difahami dalam tindakannya. Cuma perlu dijelaskan pada alat yang pastinya membunuh seperti pedang, maka pastinya daripada hal pelaku menunjukkan ianya mempunyai motif jenayah menyebabkan bencana sehingga kematian, walaupun didakwa mengatakan tidak bermaksud hendak menyebabkan kematian. Ini kerana dakwaan tersebut luahan dari isi hati niatnya, tidak boleh dibaca dan ianya berlawanan dengan tindakan luarannya, maka hukumannya tetap dibalas bunuh (al-‘Imrani, 2000). Adapun alat kayu, ia tidak membunuh dengan sekali pukulan pada anggota luaran secara kebiasaannya, maka kematian yang berlaku daripadanya adalah dalam kategori “separuh sengaja” yang tidak dikenakan hukuman bunuh, akan tetapi dikenakan bayaran diyat. Manakala sekiranya penjenayah memukul dengan berkali-kali sehingga mati atau memukul pada anggota yang sensitif merbahaya menyebabkan kematian, maka hukuman bunuh boleh dituntut oleh keluarga mangsa, ia kerana alat kayu yang dipukul olehnya secara

berkali-kali atau pada anggota sensitif yang disasanya boleh bertukar menjadi alat yang kebiasaannya membunuh, maka dikategorikan sebagai “sengaja” berbeza dengan pukulan sekali pada anggota yang tidak merbahaya (al-Shirbini, 1994).

Keadaan (d) juga adalah membunuh dengan sengaja kerana membunuh tanpa apa-apa sebab adalah maksud bagi perkataan sengaja. Daripada misal di atas, dapat disimpulkan penjenayah memenuhi tiga (3) elemen utama pembunuhan dalam kategori “sengaja”. Pertama; penjenayah mengetahui tindakannya adalah merbahaya boleh menyebabkan kematian, maka tindakannya yang semberono menunjukkan niatnya yang sengaja. Begitu juga berlaku pada alat yang kembali pada elemen kedua; alat yang digunakan diketahui merbahaya dan pasti membunuh. Ketiga; seorang mangsa pada zahirnya tidak ditentukan secara peribadi, tetapi tindakannya menunjukkan mangsa adalah terdiri dari sekumpulan yang umum yang berada kelilingnya, maka tindakannya itu menunjukkan dia bermaksud untuk menembak sesiapa sahaja yang berada sekelilingnya, seolah-olah semua orang yang berada kelilingnya adalah mangsa yang dituju dan ditentukan (al-Shirbini, 1994). Maka hukumannya adalah dibalas bunuh sekiranya dituntut oleh keluarga mangsa. Adapun penembak hendap (sniper) yang menentukan mangsanya seseorang dikalangan kumpulan yang ramai, apabila dia menembak tersasar membunuh orang lain, maka jenayah ini adalah “tidak sengaja”, tidak diboleh dituntut oleh keluarga mangsa untuk dikenakan hukuman mati. Justeru, mereka hanya boleh meminta bayaran pampasan nyawa mangsa (diyat).

Konklusinya, kesemua kesalahan di atas adalah dalam perbahasan jenayah qisas yang berkaitan dengan hak sesama manusia. Hukuman mati boleh berlaku apabila keluarga mangsa menuntut di balas dengan setimpal juga, iaitu bunuh. Ia juga boleh digugurkan dengan mendapat kemaafan daripada keluarga mangsa, sama ada memaafkan dengan meminta pampasan (diyat) atau kemaafan mutlak. Maka hukuman mati mandatori di sisi undang-undang sivil amatlah tersasar jauh dari kemasalahatan duniawi yang tidak memberi apa-apa hak kepada pihak pesalah, juga tidak memberi apa-apa hak kepada keluarga mangsa, berbeza dengan undang-undang jenayah Islam.

### **9.1.5 Seksyen 307(2):**

*“ Mencuba membunuh orang.*

*Jika seseorang yang telah melakukan kesalahan di bawah seksyen ini masih menjalankan hukuman penjara seumur hidup, atau penjara selama dua puluh tahun bolehlah, jika ia menyebabkan cedera, diseksa dengan bunuh ”.*

Kesalahan ini pada sudut jenayah undang-undang jenayah Islam hanyalah berkait dengan hak manusia, di mana penjenayah hanya mencederakan mangsanya tidak sampai ke peringkat kematian. Maka mangsa boleh meminta hukuman balas yang setimpal pada mencederakan pesalah sekiranya mencukupi syarat, atau pampasan diyat atau memaafkannya. Adapun dikenakan hukuman mati mandatori adalah sangat kejam dan zalim kerana tiada kemaslahatan yang didapati daripada hukuman tersebut. Untuk memberi pengajaran, hukuman yang sesuai adalah takzir, iaitu penentuan di bawah budi bicara hakim yang bersesuaian dengan kesalahan dan kemaslahatan umum.

## 9.2 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, Akta 37.

Berdasarkan kepada akta tersebut dua (2) kesalahan yang melibatkan senjata api dikenakan hukuman mati, iaitu:

Seksyen 3: “ *Penalti kerana melepaskan tembakan daripada sesuatu senjata api pada melakukan sesuatu kesalahan berjadual.*”

*Seseorang yang pada masa melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan sesuatu kesalahan berjadual melepaskan tembakan daripada sesuatu senjata api dengan niat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan seseorang hendaklah dihukum bunuh walaupun tiada apa-apa kecederaan berlaku oleh sebabnya ”.*

Seksyen 3A: “ *Penalti bagi rakan sejenayah dalam hal melepaskan tembakan senjata api.*”

*Jika, dengan niat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan kepada seseorang, seseorang melepaskan tembakan senjata api pada masa melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan suatu kesalahan berjadual, setiap seorang daripada rakan sejenayahnya mengenai kesalahan itu yang berada di tempat kesalahan itu dilakukan atau cuba dilakukan atau disubahati dilakukan, yang mungkin dengan munasabah dianggap telah mengetahui bahawa orang itu telah membawa atau ada dalam miliknya atau di bawah jagaan atau kawalannya senjata api itu hendaklah, walaupun tiada apa-apa kecederaan yang disebabkan oleh lepasan tembakan itu, dihukum mati melainkan jika dia membuktikan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mencegah lepasan tembakan itu ”.*

Maksud “kesalahan berjadual” adalah kesalahan yang berkait dengan pemerasan, rompakan, penentangan ketika penangkapan oleh pegawai polis, lari dari jagaan yang sah, menculik dan menceroboh rumah.

Seksyen 3 dan 3A boleh disimpulkan kepada tiga ketegori kesalahan dalam undang-undang jenayah Islam. Pertama; tembakan dari senjata api yang menyebabkan kematian. Perbincangannya seperti yang terdapat dalam jenayah qisas yang berhubungkait dengan hak manusia. Tiga (3) elemen penting untuk menentukan sama ada “sengaja”, atau “tidak sengaja” atau “separuh sengaja”. Hukuman mati boleh dilaksanakan pada pembunuhan sengaja sahaja. Ianya diputuskan secara pilihan dari tuntutan keluarga mangsa seperti perbincangan di atas, bukanlah secara mandatori.

Kedua; tembakan dari senjata api yang menyebabkan kecederaan tidak mati. Perbincangannya juga terdapat dalam jenayah qisas yang berhubungkait dengan hak manusia. Tidak boleh dikenakan hukuman mati kerana tiada berlaku kematian mana-mana individu. Yang hanya boleh dikenakan kecederaan yang sama setimpal sekiranya boleh berlaku persamaan pada luka atau cedera. Adapun yang tidak mampu berlaku persamaan, maka Syarak memberi pilihan kepada mangsa untuk meminta pampasan (diyat) atau memaafkannya.

Ketiga; bersubahat menjadi rakan jenayah tanpa menggunakan senjata api serta tidak membunuh dan mencederakan sesiapa. Maka hukumannya adalah takzir yang terdiri daripada keputusan dan budi bicara hakim.

## 10.0 Kesimpulan:

Kajian ini bukan bertujuan untuk menguatkan mana-mana pandangan *fuqaha*, bukanlah juga untuk menafikan hukuman mati di dalam Islam. Tetapi, tujuannya adalah untuk mendedahkan pandangan yang pelbagai dalam undang-undang jenayah Islam serta menegaskan Islam adalah agama yang bersifat berlapang dada dan bertoleransi walaupun melibatkan jenayah-jenayah yang besar seperti hudud dan qisas. Islam amat teliti dalam meletakkan syarat-syarat serta kriteria-kriteria yang amat ketat untuk menghukum kesalahan seseorang lalu menjatuhkan hukuman mati. Islam tidak mengiktiraf sepenuhnya hukuman mati mandatori, bahkan hukuman mati adalah satu medium pilihan yang terakhir selepas diteliti syarat-syarat dan kriteria sesuatu kes. Tujuan dan maqasid utama hukuman juga adalah untuk mendidik pesalah dan masyarakat ke arah kebaikan dan manfaat. Sekiranya pesalah atau penjenayah tiada harapan untuk memperbaiki dan berubah dengan berulang-ulang kali melakukan jenayah berat, ketika itu

hukuman yang menanti juga adalah hukuman yang berat yang mungkin boleh sampai kepada peringkat hukuman mati.

Maka hasil kajian ini dapat dirumuskan bahawa akta dan Kanun Keseksaan yang dibuat oleh barat berkaitan hukuman mati mandatori kembali kepada kesalahan utama di sisi undang-undang jenayah Islam, iaitu: kesalahan *al-Bughat* (memberontak), kesalahan *al-Hirabah* (menyamun), kesalahan jenayah qisas dan diyat serta kesalahan takzir. Kesemua kesalahan diatas, sarjana Islam tidak menetapkan hukuman secara statik, jumud, kaku dan beku tanpa perubahan dan tanpa melihat kepada Maqasid al-Syariah. Ada ketika hakim atau pemerintah perlu menghukum hukuman mati, dan ada ketika hukuman mati tidak perlu dilaksanakan kerana kembali kepada kamaslahatan atau keadaan pesalah yang sudah bertaubat dan pulih dari jenayah lampau. Akta dan Kanun Keseksaan yang dibuat oleh barat, dilihat lebih berkuasa untuk mengawal hakim, di mana hakim tidak boleh menolak hukuman mati mandatori walaupun pesalah sudah bertaubat dan berubah menjadi baik. Hal sedemikian memperlihatkan keluasan dan toleransi syariat Islam berbanding dengan hukuman mati mandatori yang direka oleh manusia tanpa sumber Ilahi, yang akhirnya hukuman yang direka itu dikritik oleh diri mereka sendiri.

Akhir sekali, kajian ini bersetuju hukuman mandatori dimansuhkan. Ia bukan bererti hukuman mati tidak boleh lagi dilaksanakan secara mutlak. Akan tetapi diserahkan keputusannya kepada budi bicara hakim dan pemerintah yang bijaksana untuk menentukan hukuman yang sesuai kepada pesalah melihat kepada kronologi jenayah dan pensabitannya.

**Rujukan:**

Abdul al-Razzaq, 1403H.. Musannaf Abd al-Razzaq. Beirut: al-Maktab al-Islamiy.

Abu al-Basol, t.th. Nazhoriyyat al-Hukm al-Qadha'iy fii al-Syari'ah wa al-Qanun. Jordan: Dar al-Nafais.

Abi Daud, t.th.. Sunan Abi Daud. Dar al-Fikr.

'Audah, t.th.. Al-Tasyri' al-Jana'iy al-Islamiy Muqaranan bii al-Qanun al-Wadh'ey. Beirut: Dar al-Katib al-'Arabiyy.

Al-Ansari, t.th.. Asna al-Matalib fi Sharh Ruadh al-Talib. Beirut: Dar al-Kitab al-Islami.

Al-Azhari, t.th.. Tahzib al-lughah. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi

Al-Bahuti, 1051H. Kashaf al-Qina'. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Dasuki, t.th.. Hasyiah al-Dasuki. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Fayumi, t.th.. Al-Misbah al-Munir. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.

Al-Fishni, 2000M. Tuhfah al-Habib Sharh Nazm Ghayah at-Taqrīb. Dar al-Mathabah.

Al-Hakim, 1990. Al-Mustadrak. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-'Imrani, 1421H. Al-Bayan fi Mazhab al-Imam al-Shafi'e. Jeddah: Dar al-Minhaj.

Al-Rafi'e, 1417H. Al-Sharh al-Kabir. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

Al-Razi, 2005. Mukhtar al-Sihah. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.

Al-Sharbini, 1994. Mughni al-Muhtaj. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Zuhaily, t.th.. Al-Fiqh al-Islamiy wa Adillatuhu. Dimashq: Dar al-Fikr

Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (Kelantan) 2015.



Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

Ibn Hazm, t.th.. Al-Muhalla bi al-Aathar. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Majah, t.th.. Sunan Ibn Majah. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Rushd, 1425H. Bidayah al-Mujtahid. Kaherah: Dar al-Hadith.

Kamus Dewan, 2002. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lembaga Penyelidikan Undang-undang, 2008. Kanun Keseksaan (Akta 574). Selangor: Wisma ILBS.

Muslim, t.th..Sohih Muslim. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.

Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia, 2006. Akta 37. Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971. Percetakan Nasional Malaysia Bhd.

Zaidan, 1409H. Nizam al-Qadha fi al-Shariah al-Islamiyyah. Beirut: Muassasah al-Risalah.